

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN LAUT SARAWAK

Oleh

DENIS ANAK SADIT
Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN LAUT SARAWAK

OLEH

**DENIS ANAK SADIT
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2005

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **DENIS ANAK SADIT (UK 9208)** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **PGN 4799** adalah hasil kerja saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan berkenaan.

Tandatangan



DENIS ANAK SADIT.

Tarikh: 21 November 2005

Disahkan Oleh: 

WAN MARIAM WAN ABDULLAH.

Penyelia Kustem

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Ucapan syukur kepada tuhan kerana dengan limpah kurnia dan berkatnya, pelatih berjaya menjalankan latihan industri di Jabatan Laut Sarawak dengan selamat tanpa sebarang musibah yang tidak diingini.

Sepanjang 12 minggu menjalankan latihan industri di Jabatan Laut Sarawak, pelatih banyak menerima tunjuk ajar, sokongan padu, serta berkongsi pengetahuan dan pengalaman bersama-sama dengan kakitangan-kakitangan Jabatan Laut Sarawak. Pelatih juga turut diberi kebebasan untuk meluahkan pendapat serta diberi kesempatan untuk melaksanakan tugas sejajar dengan motif latihan industri itu sendiri.

Bantuan daripada beberapa pihak serta individu tertentu banyak memudahkan pelatih dalam membiasakan diri dengan alam pekerjaan. Dengan kesempatan seumpama ini, pelatih berpeluang untuk menilai sendiri keupayaan dan kemampuan mereka bukan sahaja dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan malah mempertingkatkan kebolehan berkomunikasi dengan pekerja-pekerja lain.

Oleh yang demikian, pelatih ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cik Wan Azura Wan Mamat yang bertindak sebagai Urusetia Sarjana Muda Pengurusan (Maritim). Sebagai seorang urusetia program, beliau telah banyak membantu pelatih dalam beberapa aspek termasuk mengurus

penempatan pelajar dengan organisasi (Jabatan Laut Sarawak), memohon agensi yang terlibat supaya melantik Penyelia Industri serta menyediakan borang-borang yang diperlukan sebelum dan semasa latihan industri dijalankan (Borang Permohonan Latihan Industri Dan Borang Penilaian).

Disamping itu, pelatih juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Cik Wan Mariam Wan Abdullah yang bertindak sebagai Penyelaras Program Sarjana Muda Pengurusan (Maritim). Beliau juga bertindak sebagai Penyelia KUSTEM.

Dengan kesempatan ini juga, pelatih ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Laut Sarawak kerana sudi menerima pelatih untuk menjalankan latihan industri di organisasi mereka. Oleh yang demikian, pelatih dengan besar hati menyenaraikan nama-nama individu yang banyak membantu semasa pelatih menjalankan latihan industri mengikut bahagian.

Bahagian Keselamatan Pelayaran

Haji Zahidin Bin Haji Dor (Ketua Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran)

En. Faizal Bin Ahmad Fuad (Penolong Pengarah Unit Alat Bantuan Pelayaran merangkap Penyelia Industri)

En. Cornel Joseph Miji (Penolong Pengarah Unit Siasatan Kemalangan, *Wreck* dan *Salva*)

En. Wong Tung Ying (Penolong Pengarah Unit Khidmat Kecemasan)

Bahagian Kawalan Industri

En. Serujie (Penolong Pengarah Unit Pendaftaran dan Perlesenan Kapal)

Bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan

En. Mohammad Nasir (Penolong Pengarah Unit Penyelenggaraan Kapal
Jabatan)

Tidak lupa juga, pelatih ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Emak, Ayah, Abang dan Kakak yang banyak membantu pelatih ketika menjalani latihan industri. Walaupun tidak memainkan peranan secara langsung, tetapi sumbangan dalam bentuk kewangan merupakan perkara yang sangat bermakna untuk menanggung kos perbelanjaan latihan industri.

Disamping itu, pelatih juga ingin menggunakan peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan, terutamanya Mohd. Hafidz Mohd. Tajuddin, Michael Jaungin, Joel @ Teo Tan Yem, Daniel Oligung, Alvin Nedd Dalius, Raymond Luin, Alif Ashraf, Jeniboy, Nazri dan Danny Paul kerana banyak membantu pelatih sama ada semasa latihan industri dijalankan atau dalam proses menyiapkan Laporan Akhir Latihan Industri.

DENIS ANAK SADIT.

SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM).

2005.

Isi Kandungan

Muka Surat

Penghargaan	ii-iv
Isi Kandungan	v-vi
Senarai Singkatan	vii
Senarai Rajah	viii
Ringkasan Eksekutif	ix-x
Senarai Lampiran	xi-xii
Rujukan	xiii

Bab 1: Latar Belakang Organisasi

1.1	Sejarah Jabatan Laut Sarawak	1-4
1.2	Maklumat Organisasi	4-6
	(A) Logo Organisasi	6
	(B) Alamat Organisasi	6
	(C) Objektif Organisasi	7
	(D) Visi Organisasi	7
	(E) Misi Organisasi	7-8
	(F) Piagam Pelanggan Organisasi	8-9
	(G) Bidang Kuasa	9
	(H) Moto Organisasi	9
	(I) Etika Organisasi	9-10
	(J) Peranan Utama	10
	(K) Objektif Jangka Panjang	10
	(L) Carta Organisasi Jabatan Laut Sarawak	11
	(M) Bilangan Personel Dalam Bidang Pengurusan	12
	(N) Bilangan Personel Dalam Bidang Teknikal	13
1.3	Aktiviti Organisasi	14-21
1.4	Kemahiran yang dipelajari	21
	1.4.1 Bahagian Keselamatan Pelayaran	21-22
	(i) Unit Alat Bantuan Pelayaran	22-24
	(ii) Unit Khidmat Kecemasan	24-29
	1.4.2 Bahagian Pentadbiran Am	29-30

Bab 2: Mengesan Sistem Sedia Ada, Pengenalpastian Masalah, Cadangan Penyelesaian Masalah Dan Implikasi Cadangan

2.1	Pengenalan	31
2.2	Sistem Penyelenggaraan Kapal Jabatan (Pembaikan)	32
2.2.1	Objektif	32
2.2.2	Skop	32
2.2.3	Carta Aliran Sistem	33-34
2.2.4	Prosedur Penyelenggaraan Kapal	35-46
2.2.5	Pengenalpastian Masalah Sistem	47-49
2.2.6	Cadangan Penyelesaian Masalah Dan Perlaksanaan	49-50
2.2.7	Implikasi Cadangan	51
2.3	Sistem Permohonan Nama Kapal	52
2.3.1	Objektif	52
2.3.2	Skop	52
2.3.3	Carta Aliran Sistem	53-54
2.3.4	Prosedur Permohonan Nama Kapal	55-58
2.3.5	Pengenalpastian Masalah Sistem	58-62
2.3.6	Cadangan Penyelesaian Masalah	62-63
2.3.7	Implikasi Cadangan	63-64
2.4	Sistem Pendaftaran Kapal Tetap	65
2.4.1	Objektif	65
2.4.2	Skop	65
2.4.3	Carta Aliran Sistem	66-67
2.4.4	Prosedur Pendaftaran Kapal	68-70
2.4.5	Pengenalpastian Masalah	71-73
2.4.6	Cadangan Penyelesaian Masalah	73
2.4.7	Implikasi Cadangan	74

Bab 3: Penutup

3.1	Lakaran Pengharapan	75-77
3.2	Penutup Keseluruhan	77-81

SENARAI SINGKATAN

KPP (HEPP)	-Ketua Penolong Pengarah, Hal-Ehwal Pelaut Dan Pelabuhan Ibu Pejabat Kuching
KPP (PK)	-Ketua Penolong Pengarah, Pejabat Kawasan
PP	-Penolong Pengarah
PL	-Pegawai Laut
PO	-Pegawai Laut
PPL	-Penolong Pengarah Laut
PJL	-Penolong Jurutera Laut, Penyelenggaraan
PD	-Serang/Jurumudi/Pembantu Jurumudi Dan Penyelaras Deck
JEL	-Juruenjin Laut
PP (PK)	-Penolong Pengarah, Pejabat Kawasan
PPL (PK)	-Penolong Pegawai Laut, Pejabat Kawasan
PJL (PK)	-Penolong Jurutera Laut, Pejabat Kawasan
JL	-Jurutera Laut
LPO	-Local Purchase Order

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 1.2.(L)	Carta Organisasi Jabatan Laut Sarawak	11
Rajah 2.2.3	Carta Aliran Sistem Penyelenggaraan Kapal Jabatan (Pembaikan)	33-34
Rajah 2.3.3	Carta Aliran Sistem Permohonan Nama Kapal	53-54
Rajah 2.4.3	Carta Aliran Sistem Pendaftaran Kapal Tetap	66-67

RINGKASAN EKSEKUTIF

Program Latihan Industri (LI) merupakan satu Program Penempatan Industri Pelajar bagi memenuhi keperluan bergraduasi Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi sebelum tamat pengajian masing-masing. Sebenarnya penempatan latihan industri tidak dihadkan kepada organisasi kerajaan sahaja malah para pelatih boleh juga ditempatkan di Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Sektor Perkilangan dan Perindustrian (PRAINDUSTRI) serta sektor-sektor swasta yang lain. Pelatih diberi kebebasan untuk memilih lokasi atau organisasi akan tetapi pemilihan organisasi perlulah mempunyai hubungan kait dengan kursus atau program yang diikuti oleh pelatih. Jabatan Laut Sarawak merupakan sebuah organisasi kerajaan yang telah dipilih oleh pelatih bagi menjalankan latihan industri. Jabatan Laut Sarawak merupakan sebuah jabatan yang terletak di bawah Kementerian Pengangkutan yang ditubuhkan pada tahun 1960 untuk mengawalselia keselamatan perkapalan dan pelayaran serta alam sekitar maritim negara. Jabatan Laut Sarawak beribu pejabat di Kuching, diketuai oleh Pengarah Laut Sarawak yang bertanggungjawab dalam perancangan dan pelaksanaan fungsi-fungsi jabatan yang telah ditetapkan. Beliau dibantu oleh 8 orang Ketua Penolong Pengarah (KPP) Bahagian dan Kawasan. Jabatan Laut Sarawak mempunyai kakitangan seramai 500 orang. Semasa menjalani latihan industri di Jabatan Laut Sarawak, pelatih berpeluang belajar, melihat, berbincang, memberi pendapat dan menilai pelbagai aspek dalam bidang kerja terutamanya sistem kerja yang digunakan oleh Jabatan Laut Sarawak. Terdapat pelbagai aspek yang boleh dinilai kerana Jabatan Laut Sarawak mempunyai 5 bahagian atau jabatan. Pada masa yang sama, pelatih perlu mencari dan mengumpul maklumat penting untuk laporan akhir latihan industri. Seterusnya pada akhir tempoh latihan industri, satu laporan akan disediakan oleh pelatih. Laporan yang disediakan merangkumi aspek-aspek seperti sistem kerja sedia ada dan masalah yang dihadapi oleh sistem berkenaan. Disamping itu, pelatih juga cuba mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh sistem yang dianalisis serta menilai implikasi kepada cadangan yang dikemukakan. Pengenalpastian masalah dibuat sama ada melalui perbincangan dengan pegawai-pegawai yang terlibat atau melalui rujukan. Tiga sistem yang telah dianalisis ialah Sistem Penyelenggaraan Kapal Jabatan (Pembaikan), Sistem Permohonan Nama Kapal Dan Sistem Pendaftaran Kapal. Kesemua sistem yang dianalisis mempunyai kelemahan yang berpunca daripada kaedah pelaksanaan sistem itu sendiri dan bukannya disebabkan oleh elemen-elemen seperti manusia dan infrastruktur. Sistem kerja yang dianalisis merupakan sistem kerja yang diperolehi di Bahagian Keselamatan Pelayaran, Bahagian Hal Ehwal Pelaut Dan Pelabuhan serta Bahagian Kawalan Industri (Pejabat Pendaftaran Dan Perlesenan Kapal). Masalah yang dihadapi oleh sistem kerja yang dianalisis adalah tidak ketara, mungkin kerana pendekatan peningkatan standard pada persijilan MS ISO: 9001:2000 dan MS ISO 9001:2001. Kelemahan bukan disebabkan oleh pekerja